

SEPTEMBER 2022

FGV

CASSIO

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT

*Pelancaran
Dalam Rangka
Kerja Kelestarian
sempena Townhall
2022*

FGV
Sustainability Framework
Internal Launch
01.09.2022



Sesi Townhall FGV 2022

Sesi Townhall dan Pelancaran Dalam Rangka Kerja Kelestarian FGV tahun ini menampilkan keunikan tersendiri apabila diselitkan dengan persembahan 'flashmob' oleh kakitangan FGV daripada pelbagai jabatan.

Flashmob itu mencuri tumpuan kira-kira 1,000 kakitangan FGV yang hadir berikutan ia julung kali dipersembahkan dalam majlis townhall syarikat, hasil cetusan idea Azmi Yaakop, Ketua Pegawai Komunikasi Strategik Kumpulan FGV.

Persembahan itu dibuat secara mengejut apabila lampu terpadam secara tiba-tiba seolah-olah berlaku masalah teknikal, sebelum 30 kakitangan FGV tampil menyanyikan lagu patriotik bersempena sambutan kemerdekaan baru-baru ini.

'Flashmob' tersebut disambut meriah oleh hadirin, dengan sebilangan daripada mereka turut bersama-sama menyanyikan lagu patriotik ketika persembahan berlangsung.



Selain itu, sesi itu turut dimeriahkan dengan gimik Pelancaran Dalam Rangka Kerja Kelestarian daripada Bahagian Kelestarian Kumpulan yang menyerahkan plakad kepada barisan pengurusan kanan FGV.

Sementara itu, Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan turut membentangkan keputusan kewangan FGV bagi suku kedua (Q2) 2022.

Kemudian, pembentangan disusuli oleh Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor selaku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV yang menyentuh mengenai aspirasi serta misi Kumpulan untuk tahun berikutnya.

Majlis kemudian diakhiri dengan sesi soal jawab antara petugas dengan beberapa pengurusan kanan FGV, termasuklah Dato'

Mohd Nazrul Izam Mansor; Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid; Salman Ghazali, Ketua Pegawai Strategi Kumpulan serta Razman Radzi, Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan.



EDITORIAL

PENAUNG

Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor

PENASIHAT

Azmi Yaakop

EDITOR

Isnani Fitri Mohd Azmi

PENGURUS PROJEK

Ili Diyana Amirrudin

PENULIS

Huzaifah Mazlina Mohd Alias
Nur Affifah Baharim
Nurul Eisha Khairul Annuar
Nurul Sakinah Abd Aziz
Fadwa Faieqah Mohamad Ziyad

PEREKA GRAFIK

Mohd Nazzim Kamsaim



TERBITAN

Komunikasi Strategik Kumpulan
FGV Holdings Berhad NO 200701042133
(800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia
fgvholdings.com

DOPSB & Swang Chai Chuan Bekerjasama Dalam Hadapi Krisis Sekuriti Makanan Negara

Delima Oil Products Sdn Bhd (DOPSB) menyahut inisiatif kerajaan dalam Pelan Tindakan Sekuriti Makanan 2021-2025 yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dengan tujuan memperkukuh sekuriti makanan negara.

Justeru itu, bagi meningkatkan aksesibiliti produk makanan, DOPSB bekerjasama dengan Swang Chai Chuan Sdn Bhd bagi memastikan negara bersiap siaga dalam menghadapi krisis sekuriti makanan. Dengan kerjasama SCC, ini akan menyumbang kepada objektif kerajaan dalam memastikan kecukupan bekalan makanan negara, keberadaan makanan yang selamat dengan harga berpatutan dan gaya pemakanan sihat, serta memperbanyakkan sumber dalaman.

Melalui kerjasama ini produk-produk DOPSB dapat dipasarkan dengan lebih meluas di seluruh Pantai Timur serta mengembangkan jejak FGV dalam sektor FMCG dengan memasuki pasaran yang tidak diterokai sebelum ini.



SAJI - Jenama Terpentas Berkembang Sepanjang Dekad (Keseluruhan FMCG)



Terima kasih kepada Kantar Worldpanel atas pengiktirafan jenama SAJI atas pencapaian sebagai Jenama Terpentas Berkembang Sepanjang Dekad (Keseluruhan FMCG) dari 2012-2021 dalam ranking Jejak Jenama 2022 KANTAR. SAJI telah meningkat sebanyak tiga kali Mata Jangkauan Pengguna ("CRP") daripada 8.9 juta pada 2012 kepada 24.7 juta pada 2021 mewakili pertumbuhan 177% yang ketara dalam tempoh ini.

Bright Cow Dan Gigi Coffee Sasar Bekalkan 90,000 liter Susu Segar Setiap Bulan

FGV Dairy Farm Sdn Bhd (FGVDF) memperkukuhkan perniagaan penternakan tenusu dan pengeluaran susunya di bawah jenama Bright Cow, dengan menjalin kerjasama dengan syarikat kopi tempatan, Gigi Coffee.

Dengan slogan “Great Milk for Great Coffee”, rangkaian kopi yang sedang berkembang ini mempunyai lebih daripada 36 cawangan di seluruh negara dan telah mula menggunakan susu segar Bright Cow sejak Jun tahun ini dalam semua menu kopi mereka seperti *Signature Caffe Latte*, *Buttercream Latte* dan *Sea Salt Caramel Macchiato*.



Bright Cow kini membekalkan sehingga 40,000 liter susu segar sebulan kepada Gigi Coffee dan menyasarkan untuk meningkatkan

pengeluaran dan bekalan susunya kepada 90,000 liter sebulan menjelang Disember tahun ini. Ladang tenusunya yang terletak di Linggi menempatkan lebih 200 ekor lembu dan kini sedang memproses 1 juta liter susu segar setiap tahun. Lokasi ladang yang berhampiran dengan kawasan tumpuan pengguna seperti Kuala Lumpur, Selangor, dan Putrajaya, membolehkan susu segar itu sampai ke destinasi pasarannya dalam masa 24 jam.

Berita penuh: <https://bit.ly/3qBpbMb>

FGV Terus Komited Dalam Menegakkan Piawaian Buruh Antarabangsa Sebagai Sebahagian Daripada Agenda Kelestarian

Menurut Laporan Penilaian Luaran Bebas (*Independent External Assessment – IEA*), yang dikendalikan Persatuan Keadilan Buruh (*Fair Labor Association – FLA*), tiada sebarang ketidakpatuhan buruh ditemui berdasarkan tanda aras FLA dan mereka juga tidak menemui sebarang bukti penggunaan buruh kanak-kanak di dalam operasi FGV.

Laporan tersebut juga mengiktiraf kemajuan yang telah dicapai oleh FGV termasuk komitmen pengurusan tertinggi, penjajaran dasar mengikut piawaian antarabangsa dan nasional, serta penglibatan dengan organisasi masyarakat sivil, terutamanya di peringkat ibu pejabat.



FLA telah menjalankan IEA dari November 2021 sehingga Januari 2022 yang melibatkan penilaian sistem pengurusan dan operasi di peringkat lapangan FGV. Penilaian tersebut dilaksanakan mengikut Tatakelakuan Tempat Kerja

(*Workplace Code of Conduct – WCOC*) FLA, berdasarkan piawaian buruh antarabangsa dan amalan perburuhan baik yang diterima pakai di peringkat antarabangsa.

FGV menyertai FLA pada 2019 dan komited untuk melaksanakan pelan tindakan jangka panjang dan komprehensif untuk mengukuhkan lagi pelbagai aspek dalam amalan buruh FGV. Ini termasuk penjajaran kod,

proses pengambilan pekerja migran, pembinaan kapasiti dan modul latihan mengenai hak asasi pekerja migran, mekanisme aduan serta sistem pemantauan pematuan standard perburuhan.

Berita penuh: <https://bit.ly/3UdWNx2>

Keuntungan Sebelum Cukai FGV Meningkat Kepada RM1.10 bilion Pada Separuh Pertama TK2022



optimistik ke arah mencapai sasaran 2022 kami.”

Selain harga MSM, prestasi kukuh adalah disebabkan oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada Sektor Logistik FGV. Keuntungan Operasi untuk Sektor Logistik meningkat 41 peratus tahun ke tahun (Y-o-Y) kepada RM52 juta daripada RM37 juta dengan kadar pengendalian dan pengangkutan yang lebih baik, serta volum pemprosesan yang lebih tinggi untuk perniagaan pengangkutan dan penyimpanan.

Keputusan kewangan diimbangi kerugian yang ditanggung Sektor Gula FGV di bawah anak syarikatnya, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) oleh kerana peningkatan sebanyak 27 peratus

FGV Holdings Berhad (FGV) mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) meningkat dua kali ganda iaitu RM1.10 bilion bagi separuh pertama berakhir 30 Jun 2022 (TK2022) daripada RM516 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Keuntungan Operasi Kumpulan FGV mencatatkan RM1.34 bilion daripada RM524 juta manakala, hasil meningkat sebanyak 64% kepada RM13.3 bilion berbanding RM8.08 bilion pada separuh pertama tahun lepas.

Keuntungan Selepas Cukai & Kepentingan Minoriti (PATAMI) FGV meningkat lebih 100 peratus kepada RM743 juta daripada RM303 juta.

Set keputusan kewangan yang cemerlang dipacu oleh peningkatan dalam margin produk sawit disebabkan oleh harga Minyak Sawit Mentah (MSM) yang tinggi. Purata harga MSM yang direalisasikan pada separuh pertama TK2022 adalah lebih tinggi sebanyak 58 peratus mencecah RM5,165 setiap tan metrik (MT),



berbanding RM3,268 setiap MT pada separuh pertama TK2021.

Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV berkata, “Kami berhasrat untuk menjadi perniagaan tani bersepadu yang mampan dan terkemuka di dunia. Berdasarkan prestasi separuh pertama, kami berada di landasan yang betul bagi mencatat trajektori pertumbuhan dan akan kekal

dalam kos pengeluaran input.

FGV mengumumkan pembayaran dividen interim sebanyak 4.0 sen sesaham, yang menjadikan jumlah keseluruhan pembayaran dividen sebanyak RM146 juta dan akan dibayar menjelang suku ketiga 2022.

Berita penuh: <https://bit.ly/3B9VE0U>

Program Eksplorasi Alam Lestari Beri Pendedahan Kepada Pelajar Mengenai Alam Sekitar

FGV bersama Yayasan Didik Negara telah menganjurkan program Eksplorasi Alam Lestari di mana program pada kali ini telah diadakan di Paya Indah Wetlands Jalan Dengkil-Banting 25 Ogos.

Seramai 100 orang pelajar yang terdiri daripada empat buah sekolah dari kawasan Hulu Selangor telah terpilih bagi menyertai program ini.

Tujuan program ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan menjaga kelestarian flora dan fauna.

Antara keistimewaan program ini adalah, para pelajar berpeluang untuk melihat dan memberi makan kepada

haiwan-haiwan seperti badak sumbu, landak dan kura-kura yang dipantau oleh pihak PERHILITAN.

Majlis turut dihadiri Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. Beliau juga turut serta dalam aktiviti memberi makan kepada haiwan bersama pelajar-pelajar sekolah.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang oleh Dato' Haji Pkharuddin. Dalam ucapan penutupnya, beliau turut berpesan kepada para pelajar agar menjaga keindahan dan kelestarian alam.



FGV Teruskan Inisiatif Program Konservasi Melindungi Ungka-Siamang Dan Tenggiling

Susulan kejayaan program konservasi spesis beruang matahari sebelum ini, FGV meneruskan inisiatif bagi merealisasikan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) ke-15, Kehidupan di Darat di bawah program konservasi dengan melindungi dua lagi spesis iaitu Ungka-siamang dan Tenggiling.

Dengan kerjasama Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia, Malaysian Nature Society, dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), FGV melancarkan program konservasi 'Pemuliharaan Beruang Matahari, Ungka-siamang, & Tenggiling di Semenanjung Malaysia sebagai salah satu fokus utama di bawah inisiatif "Pemuliharaan Alam Sekitar" sebagai salah satu tonggak utama Agenda Kelestarian Kumpulan FGV.

Tonton video penuh dokumentari pemuliharaan beruang matahari di pautan berikut: <https://bit.ly/3qOonU6>



Taska FGV Julung Kali Anjur Hari Sukan



Wisma FGV bertukar meriah dengan gelak tawa dan pelbagai telatah 32 murid berusia antara tiga hingga empat tahun yang menyertai Hari Sukan Taska FGV di tingkat satu bangunan itu pada 14 September lalu.

Acara itu adalah antara detik istimewa bagi Taska FGV berikutan ia julung kali diadakan sejak institusi itu ditubuhkan tiga tahun lalu.

Semua murid dilihat bersemangat

sepanjang hari sukan itu berlangsung, dengan pelbagai aktiviti sukan disertai termasuklah acara lari berganti, lari zig zag, jom bina piramid dan lain-lain.

Hari Sukan Taska FGV yang berlangsung selama dua jam itu bermula pada jam 9.30 pagi dengan nyanyian Lagu Negaraku, disusuli dengan ikrar serta bacaan doa daripada adik Nik Asyraf Umar Nik Azinuddin, murid berusia empat tahun yang petah berbicara.

Acara itu kemudian diteruskan dengan aktiviti sukan yang dipantau oleh lapan guru Taska FGV, dan disertai oleh Encik Muhammad Najib Ab Manan selaku Ketua Unit Pengurusan Fasiliti (FMU) FGV.

Program itu diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah oleh Encik Muhammad Najib kepada semua peserta Hari Sukan Taska FGV.


KOMIK

Kategori-kategori Pelepasan Karbon

ILUSTRASI OLEH IR DR GIDEON TAN

Dalam sesebuah syarikat, pelepasan-pelepasan karbon boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu skop 1, 2 & 3. Mari kita lihat kategori-kategori ini.

Sebagai salah satu syarikat yang komited terhadap SBTi, FGV perlu meramalkan pelepasan karbon bagi skop 1 & 2, dan mengenalpasti pelepasan karbon bagi skop 3 sebelum menetapkan target pengurangan karbon.



5,000 Pengunjung Hadiri Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Di Shah Alam



Kira-kira seramai 5000 pengunjung menghadiri reruai FGV di Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Shah Alam.

Program JAKM kali ini yang berlangsung di Tapak Perkarangan Stadium Shah Alam pada 19 Ogos hingga 21 Ogos.

FGV telah mengadakan promosi bagi

seperti produk keluaran Saji, Bright Cow, Ladang'57, Seri Pelangi, Adela dan Gula Prai. Barangan ini ditawarkan dengan harga yang lebih rendah dan berpatutan.

FGV juga telah membuat satu inisiatif dengan menawarkan pakej Keluarga Malaysia yang menarik. Pakej tersebut dilengkapi dengan barangan produk FGV seperti minyak masak, krim, beras, garam dan banyak lagi.

Selain itu, ais krim nenas MD2 keluaran Ladang'57 menjadi tarikan di JAKM Shah Alam. Ais krim nenas MD2 ini hanya boleh didapati di JAKM di seluruh Malaysia. Pengunjung dapat merasai dan menikmati kesegaran nenas MD2 keluaran Ladang'57.

Hasil jualan barangan di JAKM Shah Alam telah mencatatkan keuntungan yang tinggi berbanding dengan lokasi JAKM yang lain. Jumlah pengunjung ke reruai

FGV juga memberangsangkan sepanjang tiga hari berlangsung.



FGV Terima Anugerah Kecemerlangan Korporat Impak Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Malaysia Cemerlang 2022



Tahniah!

FGV Holdings Berhad telah dianugerahkan *The 2022 Malaysia Outstanding ESG (Environmental, Social and Governance) Impact*

Corporate Excellence Award di Malaysia SDG (Matlamat Pembangunan Mampan) dan Anugerah Impak ESG 2022 anjuran Institut Strategik KSI untuk Asia Pasifik (KSI).



Anugerah ini meraikan kejayaan cemerlang FGV dan pencapaian dalam ESG bagi usaha berterusan memperjuangkan inisiatif SDG dan ESG.

MSM Prai Beri Sumbangan Naik Taraf Infrastruktur Pendidikan Di Sekolah



pintar 50 inci bernilai RM45 ribu kepada Sekolah Kebangsaan Sungai Behrang (SK Sungai Behrang) yang terletak di FELDA Sungai Behrang, Slim River, Perak. Sumbangan ini bertujuan untuk menaik taraf infrastruktur pendidikan di sekolah tersebut selari dengan agenda transformasi pendidikan negara 2025.

FELDA Kebangsaan, Hasni Ahmad, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan MSM, Saiful Abu Bakar, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pembelajaran Pejabat Pendidikan Daerah Muallim, Narizan Baserah, Guru Besar SK Sungai Behrang, pegawai-pegawai Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak pengurusan MSM.

MSM sentiasa menyokong pembangunan golongan muda sebagai sebahagian daripada rangka kerja perniagaan sosial terutamanya dalam kalangan pelajar yang merupakan generasi peneraju dan penggerak negara.

Pada 25 Ogos, MSM Prai Berhad telah menyumbang sebanyak 15 unit TV

Sememangnya amat menarik dapat menyaksikan penggunaan platform teknologi ini secara langsung dalam bilik darjah yang merupakan sebahagian daripada lawatan majlis hari ini dengan tahap interaksi dan semangat pelajar yang sangat tinggi. Turut hadir pada majlis sumbangan tersebut adalah Sulong Jamil Mohammad Shariff, Ketua Peneroka



Lawatan Penganalisis Dan Pemegang Saham Ke MSM Sugar Refinery

Di MSM, mengekalkan hubungan baik dengan pihak berkepentingan adalah penting untuk mendapatkan input yang tidak ternilai dan menerima pandangan yang seimbang tentang prestasi Kumpulan MSM dan cabaran yang kami hadapi.

Pada 8 September, sekumpulan penganalisis dan pemegang saham institusi dari BIMB Securities, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Haji (TH), dan BIMB Investment telah meluangkan masa melawat MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd.

Lawatan itu diadakan bertujuan untuk memberi pemahaman yang lebih baik mengenai proses penapisan serta strategi perniagaan dan prospek syarikat sambil mendapatkan maklumat terkini mengenai perkembangan perniagaan semasa.



Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Syed Feizal Syed Mohammad, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Hasni Ahmad, GCOO, Ab Aziz Ismail, CFO, Abdul Hadi Karim, Ketua

Strategi Korporat & Perhubungan Pelabur, Muhammad Irfan Gobinath Abdullah, Ketua Operasi MSM Johor dan Fariza Haizumi Ahmad, Pengurus Strategi Korporat & Perhubungan Pelabur .

Khaireeman Turun Padang, Pastikan Kebajikan Pekerja Ladang Dijaga



Khaireeman Aman Shah, 47, mula membabitkan diri dalam sektor perladangan sejak awal belasan tahun lagi.

Mula bekerja di tapak semaian dan ladang tanaman semula selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kira-kira 30 tahun lalu, menjadikan Khaireeman tidak kekok dengan selok belok kerja-kerja ladang.

“Kerja di ladang ni kita kena *hands-on*. Dengan cara ini, banyak ilmu yang kita dapat pelajari. Saya sendiri bekerja di tapak semaian selepas habis SPM,” kata anak kelahiran Johor itu.

Khaireeman mula diperkenalkan dengan kerja-kerja perladangan, khususnya tanaman kelapa sawit oleh bapanya, yang juga pengurus Felda Sri Ledang di Johor.

Beliau mula terbabit sebagai ahli keluarga FELDA pada Oktober 2001 sebagai Kadet Pelatih bersama Felda Plantations Sdn Bhd (FPSB) selama setahun, sebelum dilantik sebagai Penolong Pengurus Ladang pada 2002.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya hampir 22 tahun, Khaireeman pernah berkhidmat di lima buah ladang dan juga di ibu pejabat.

Khaireeman mula terbabit dalam bahagian sumber manusia dari 2014 hingga kini, dan memilih pendekatan untuk kerap turun padang bagi memastikan kebajikan pekerja sentiasa terjaga.

“Ketika ini, saya bertanggungjawab memastikan pengurusan sumber manusia seramai 3,000 petugas bergaji bulan dan 5,000 pekerja artisan, dijaga dengan baik di syarikat FGVPM serta PUP, Yapidmas dan APL dan tugas ini bukan mudah.

“Apabila saya turun padang, kita akan adakan perbincangan serta soal jawab. Dari situ, ada pekerja yang akan kongsi masalah mereka, merangkumi isu rumah, insurans, perihai anak dan banyak lagi, yang merapatkan hubungan antara saya dan pekerja,” katanya.

Berkongsi detik paling diingati selama berkhidmat dengan keluarga FELDA, Khaireeman berkongsi pengalaman hampir lemas ketika menjalankan tugas memantau ladang yang dilanda

banjir di FELDA Bukit Puchong, Pahang.

Beliau bernasib baik ketika itu apabila pengurus ladang itu menyedari sesuatu yang tidak kena apabila melihat kediamannya berada dalam keadaan gelap.

Khaireeman kemudian diselamatkan pengurus ladang itu bersama beberapa peneroka FELDA, sebelum mereka terpaksa memanjat dan berlindung di pucuk pokok sawit ketika banjir berkenaan.

Sementara itu, Khaireeman menyifatkan pengalaman paling manisnya pula adalah ketika beliau mengambil alih HRBP FGVPM, dan berjaya menyelesaikan isu gaji dan gred yang berlanjutan selama berbelas tahun, hanya dalam tempoh 12 bulan atas kerjasama pengurusan dan pasukannya.

Rutin harian tugasnya kini termasuklah memikirkan dan bersedia selama 24 jam berkaitan hal kebajikan dan keselamatan petugas, serta memastikan semua prosedur berkaitan sumber manusia dicapai dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Puding Roti Cip Coklat Bersama Sos Kastard



Resipi oleh:
Natasha Abd Jalil
DOP, Pasir Gudang

BAHAN-BAHAN:

8 keping roti dipotong
2 cawan susu segar
2 sudu besar majerin Adela (dicairkan)
2 biji telur
2 sudu besar gula Prai
Sedikit serbuk kayu manis
Sedikit esen vanila

CARA PENYEDIAAN:

- Campurkan majerin, telur, gula, susu segar, esen vanila dan sedikit serbuk kayu manis dan panaskan di atas dapur dengan api perlahan.
- Susun roti di dalam bekas dan tuangkan bahan puding sehingga rata.
- Letakkan kismis dan cip coklat di atas roti dan ulangi langkah-langkah tersebut sehingga roti habis.
- Panaskan ketuhar selama 10 minit pada suhu 180°C dan bakar selama 30 minit atau sehingga masak.

Sos kastard

- Campurkan tepung kastard ke dalam air dan kacau.
- Masukkan krimer cair, gula dan esen vanila. Kacau di atas dapur dengan api perlahan.
- Hidangkan bersama puding roti yang sudah siap dibakar.

Koktel Buah

BAHAN-BAHAN:

Buah-buahan yang telah dipotong (buah ikut citarasa sendiri)
Krimer cair Saji
Krimer pekat Saji
Yogurt greek Brightcow
Mayo Saji


CARA PENYEDIAAN:

- Masukkan buah-buahan yang telah dipotong.
- Kemudian masukkan dua sudu teh mayonis, krimer cair, satu sudu teh krimer pekat dan yogurt.
- Masukkan ke dalam bekas, sejukkan selama setengah jam dan siap untuk dihidangkan.



Resipi oleh:
Syahirah Suhaimi
FGVIF

JAWAB & MENANG



MELINTANG

4. Gula apakah yang mempunyai tekstur paling halus?
6. Antara jenis santan keluaran saji ialah Santan Kelapa, Krim Kelapa dan Santan kelapa ____.
8. Nama makanan kucing keluaran ALMA ialah ____.
9. Taste of Freshness' merupakan slogan bagi produk ____.

MENEGAK

1. Di manakah ladang tenusu Bright Cow?
2. Nenas MD2 keluaran Ladang'57 dapat menghasilkan __ nenas.
3. Pembuatan kek dan roti sesuai menggunakan gula ____.
5. Gula Stevia keluaran MSM dinamakan sebagai ____.
7. ____ merupakan minuman yang membantu kelancaran penghadaman.
8. Ladang'57 menghasilkan buah-buahan seperti nenas, jagung, mangga, kentang dan ____.

Hantarkan jawapan anda dengan tepat dan pantas ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com sebelum 21 Oktober 2022

